


 ipoh cargo terminal	No Rujukan : PEKELILING ICT-OP-092019
Tarikh Kuatkuasa:	22 NOV 2019

GARIS PANDUAN

TATACARA PEMERIKSAAN DAGANGAN OLEH KDRM DAN OGA DI ICT IPOH

Disediakan Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan: 	Tandatangan: 
Nama: KAMARUL BIN OMAR	Nama: HJ HILMI BIN HASAN
Jawatan: PENGURUS OPERASI	Jawatan: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SINGKATAN

OGA	-	Other Government Agencies
BL	-	Bill Of Lading
FA	-	Fowarding Agent
SA	-	Shipping Agent
ICT	-	Ipooh Cargo Terminal Sdn Bhd

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pemeriksaan dagangan oleh pihak Kastam dan Lain-Lain Agensi Kerajaan (Other Government Agencies - OGA).

2.0 TATACARA

- 2.1 Pihak FA / SA / Shipper perlu membuat permohonan secara bertulis dan menghantar permohonan tersebut melalui e-mel atau faks kepada Penyelia Operasi ICT.
- 2.2 Permohonan tersebut perlu menyatakan dengan terperinci maklumat-maklumat berikut:
 - 2.2.1 Maklumat Kontena
 - 2.2.2 Maklumat *Booking / BL*
 - 2.2.3 Agensi Kerajaan yang terlibat.
 - 2.2.4 Jenis pemeriksaan.
 - 2.2.5 Tarikh dan waktu pemeriksaan.
 - 2.2.6 Sebarang keperluan tambahan yang dirasakan perlu.
 - 2.2.7 Akuan penerimaan untuk kos yang akan dikenakan oleh ICT kepada pihak FA / SA / Shipper yang dilantik sepanjang proses tersebut berlangsung.
- 2.3 Penyelia Operasi ICT perlu memberikan maklum balas penerimaan permohonan tersebut melalui e-mel atau faks.

- 2.4 Penyelia Operasi ICT perlu memaklumkan kepada pihak Kontraktor Pengendalian Terminal untuk mengalihkan kontena daripada yad kepada kawasan pemeriksaan kontena.
 - 2.4.1 Sekiranya pemeriksaan dagangan dibawah kendalian ICT (dimana ICT sebagai FA) perlu dijalankan di premis pengilang, kakitangan Bahagian CY perlu membawa Pegawai Kastam ke premis tersebut untuk pemeriksaan.
- 2.5 Penyelia Operasi atau kakitangan Bahagian CY perlu memantau proses pemeriksaan kontena dari mula sehingga tamat.
- 2.6 Penyelia Operasi perlu memaklumkan kepada pihak FA / SA / Shipper apabila aktiviti pemeriksaan telah selesai dan merekodkan waktu mula pemeriksaan dan waktu tamat pemeriksaan sebagai rujukan.
- 2.7 Sekiranya tiada sebarang arahan penahanan daripada pihak OGA, Penyelia Operasi perlu memaklumkan kepada Kontraktor Pengendalian Terminal untuk meletakkan kontena di kawasan simpanan.
 - 2.7.1 Sekiranya terdapat arahan penahanan daripada pihak OGA, kontena akan diletakkan di satu kawasan khas bagi memudahkan pemantauan.
- 2.8 Setelah kerja-kerja pemeriksaan selesai, Penyelia Operasi akan memberikan satu salinan dokumen permohonan dan cadangan caj-caj yang perlu dikenakan kepada pihak kewangan untuk tindakan selanjutnya.

3.0 KUATKUASA.

Pekeliling ini akan berkuat kuasa serta merta.